

# Hadiri Persidangan Ulama Antarabangsa 2018



REKTOR UNISSA Dr. Awang Haji Norrfan bin Haji Zainal (kiri) bersama para ulama yang hadir dalam Persidangan Ulama Antarabangsa 2018 di Lombok, Republik Indonesia.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**LOMBOK, REPUBLIK INDONESIA**, Isnin, 30 Julai. - Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norrfan bin Haji Zainal menghadiri Persidangan Ulama Antarabangsa 2018 anjuran Wilayah Nusa Tenggara Barat,

Pertubuhan Antarabangsa Alumni Universiti al-Azhar Cawangan Indonesia dan Forum Alumni Timur Tengah pada 29 Julai 2018. Persidangan yang membawa tema 'Wasathiyatul Islam Menurut Perspektif Ahlussunnah Waljamaah' diadakan pada 26

hingga 29 Julai 2018 di Mataram, Lombok, Republik Indonesia dan dihadiri oleh para ulama daripada 22 buah negara termasuk ulama-ulama dari Universiti al-Azhar Mesir, Sudan, Maghribi, Syria, Iraq, Yemen, Tunisia dan Malaysia.

Setelah bersidang selama dua hari, peserta persidangan sepakat bahawa Ahlussunnah Waljamaah adalah mereka yang mengikuti ajaran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat Baginda, yang berpegang teguh pada Al-Quran dan Sunnah, iaitu para pengikut Asy'ariyyah-Maturidiyyah, para fuqaha, ahli hadis dan tasawuf yang mengikuti Al-Quran dan hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Persidangan juga bersetuju bahawa aliran pemikiran, rasisme dan diskriminasi dalam bentuk apa pun yang bertentangan dengan wasathiyah Islam harus ditentang dengan berbagai-bagai cara kerana ia berpotensi meruntuhkan keutuhan tanah air dan menjelaskan keharmonian sosial.

Persidangan juga menekankan keperluan menyediakan program pendidikan yang dibangun atas dasar wasathiyah Islam dan menolak kekerasan, dengan sasaran generasi muda yang akan

mencuri harapan masa depan dalam usaha membangun dan melindungi mereka dari pemikiran ekstrem yang bertentangan dengan wasathiyah.

Persidangan itu dirasmikan oleh

Tuan Yang Terutama Gubernor Lombok, Dr. Muhammad Zainul Majdi, manakala majlis penutup dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan Republik Indonesia Ryamizard Ryacudu.

## HALUAN

### Teruskan program keilmuan, kemasyarakatan di masjid

Dari muka 2

**Tafsirnya :** "Orang-orang yang layak mengimarkan masjid-masjid Allah itu hanyalah mereka yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta tidak takut melainkan kepada Allah. (Dengan adanya sifat-sifat tersebut) maka mudah-mudahan mereka termasuk dalam golongan yang mendapat petunjuk." (Surah at-Taubah : 18)

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

**Maksudnya :** "Apabila seseorang berwuduk lalu dia memperelokkan wuduknya kemudian dia keluar pergi ke masjid, dia tidak keluar kecuali untuk menuaikan sembahyang, tidak dia melangkah satu langkah kecuali ditinggikan satu darjabat baginya dan dihapuskan baginya satu kesalahan, apabila dia bersembahyang malaikat sentiasa memohonkan rahmat ke atasnya selama mana dia masih di tempat sembahyang dan belum berhadas, malaikat memohonkan : Wahai Allah berilah rahmat ke atasnya, wahai Allah sayangilah dia." (Hadis riwayat Imam Bukhari)

Demikianlah.

Wabillahit Taufik Wathidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Latihan kecemasan LTAB, 2 Ogos

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan Awam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sclasa, 31 Julai. - Jabatan Penerangan Awam, Kementerian Perhubungan memaklumkan bahawa Latihan Kecemasan Keselamatan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) akan diadakan di LTAB pada 2 Ogos 2018.

Latihan tersebut adalah untuk menguji keberkesanan penyeluruh dan penerimaan maklumat serta sistem perhubungan di antara agensi-agensi berkepentingan di LTAB, di samping menilai kecekapan dan keberkesanan dalam menyelesaikan juga menangani kecemasan yang melibatkan operasi penerangan dan perkhidmatan bangunan terminal.

Orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak berasa cemas apabila berada di kawasan bangunan terminal sepanjang sesi latihan dijalankan.

Perkhidmatan-perkhidmatan di LTAB dan penerangan adalah beroperasi seperti biasa.

### Pemilik tanah bergeran diingatkan jelaskan Cukai Tahunan

Siaran Akhbar :  
Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 30 Julai. - Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan sukacita menarik perhatian semua pemilik-pemilik tanah bergeran di Negara Brunei Darussalam (NBD) supaya akan menjelaskan Cukai Tahunan tanah-tanah yang mereka miliki pada setiap tahun.

Mereka juga dikehendaki membayar tunggakan cukai tahunan tanah mereka, jika ada. Kegagalan pemilik-pemilik tanah untuk membayar Cukai Tanah dan tunggakan Cukai Tanah tahunan dalam tempoh yang telah diberikan, Jabatan Tanah boleh mengambil tindakan undang-undang di bawah Bab 18 Kanun Tanah Penggal 40, di mana pihak

Kerajaan berhak untuk merampas dan menjual manfa-maha harta alih (*movable property*) yang ada di atas tanah mereka dan juga berhak untuk menjual dan mengambil balik tanah mereka.

Oleh yang demikian, semua pemilik tanah di NBD diminta untuk membayar Cukai Tahunan tanah dan tunggakan Cukai Tahunan Tanah mereka di mana-mana Kaunter Pembayaran Pejabat Tanah seluruh darjah pada waktu pembayaran yang telah ditetapkan dengan tidak mengikuti lokasi tanah mereka ataupun pembayaran melalui dalam talian (*online payment*) dengan menggunakan Kad Kredit / Kad Debit pada bila-bila masa sahaja di laman

sesawang Jabatan Tanah [www.laris.gov.bn](http://www.laris.gov.bn) (LARIS).

Waktu pembayaran cukai tanah di Kaunter-kaunter Pembayaran Pejabat Tanah seperti berikut :

Waktu pembayaran Cukai Tanah di Kaunter-kaunter Pembayaran Pejabat Tanah bagi Daerah Brunei dan Muara ialah Isnin hingga Kamis dan Sabtu dari puluk 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.45 petang hingga 3.00 petang.

Bagi Daerah Belait, Tutong dan Temburong, Kaunter-kaunter Pembayaran Pejabat Tanah ialah Isnin hingga Kamis, bermula dari puluk 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.45 petang hingga 3.00 petang. Sementara bagi Sabtu, kaunter dibuka dari 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.45 petang hingga 2.45 petang.

Kaunter pembayaran ditutup pada Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam.



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norrfan bin Haji Zainal (tengah) bersama Tuan Yang Terutama Gubernor Lombok, Dr. Muhammad Zainul Majdi (kanan).